



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**30 OKTOBER 2019 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**30 OKTOBER 2019 (RABU)**

*Karnival*  
**BELI BARANGAN MALAYSIA 2019**  
PERINGKAT KEBANGSAAN

   
DUTAN MALAYSIA

*Ayuh Datang!*  
*Sokong & Beli*

**30 - 03**  
OKTOBER      NOVEMBER  
2-6 RABIULAWAL 1441H

HARI INI (30 NOV) - ZUMBA  
10.00 PAGI - 10.00 MALAM  
DATARAN ANGSANA  
JOHOR BAHRU



#barangbaikbarangkita



# Kerajaan perkasa Kempen Beli Barangan Malaysia 2019

HAMIZAH BASIR

**K**erajaan giat melaksanakan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2019 bagi menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia.

Kempen yang digerakkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu bertujuan meningkatkan semangat cintakan barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia.

Sekretariat KBBM 2019 KPDNHEP berkata, KBBM perlu dilaksanakan dan diperkuatkan secara komprehensif kerana cabaran globalisasi perniagaan kini banyak menyumbang kepada pembelian barangan daripada luar negara.

"Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017 merekodkan perkembangan sebanyak 15.3 peratus import kasar negara kepada sebanyak RM838 bilion berbanding pada 2016.

"Daripada jumlah ini, import barangan penggunaan melonjak kepada 6.1 peratus kepada sebanyak RM71 bilion akibat daripada peningkatan keyakinan pengguna.

"Negara China sebagai rakan dagangan utama, dapatlah di-

andaikan bahawa teras utama tawaran barangan adalah berpaksikan harga, sebaliknya barangan dari negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Eropah adalah berteraskan kepada kualiti dan prestij," katanya di sini semalam.

Menurut sekretariat, faktor tersebut menjadikan produk buatan tempatan tersepit di antara kedua-dua gergasi ekonomi itu.

"Langkah kerajaan untuk memperkasa KBBM 2019 adalah tepat dan sangat signifikan

bagi mengimbangi cabaran serta tekanan globalisasi ekonomi semasa, khususnya untuk merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian dan penggunaan produk atau perkhidmatan tempatan.

"Strategi yang paling berkesan adalah melalui penganjuran ekspo jualan dan promosi barangan buatan tempatan secara terus kepada pengguna yang terbukti dapat meningkatkan kesedaran tentang kewujudan dan kualiti produk buatan tempatan," kata sekretariat lagi.



## INISIATIF STRATEGIK DAN CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM

- 1. Penembusan produk-produk PKS dalam sektor peruncitan**
  - KPDNHEP berhasrat untuk membantu meningkatkan dan menyokong produk-produk buatan tempatan untuk disenarai tetap di pasar raya besar dan kedai serbaneka.
  - Melaksanakan lebih banyak aktiviti persampelan dan jualan produk tempatan di pasar raya besar tempatan serta asing di seluruh negara.
- 2. Jualan dan pemasaran digital**
  - Kerajaan akan memanfaatkan kelebihan ekosistem ekonomi digital dan infrastruktur e-dagang melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif kempen, promosi, diskaun jualan secara berterusan melalui portal online marketplace utama di Malaysia.
- 3. Melaksanakan ekspo jualan sempena KBBM dan misi perdagangan luar negara**
  - Kementerian dan agensi kerajaan serta penggiat industri dalam sektor perdagangan pendedaran akan merangka, bekerjasama dan melancarkan lebih banyak ekspo jualan KBBM bagi mengetengahkan, mempromosi serta memperluas lagi pasaran produk tempatan ke seluruh negara.
  - Misi perdagangan ke luar negara secara strategik bersama pasar raya besar asing di Malaysia bagi memperkenalkan dan mempromosikan KBBM melalui Program (Malaysian Goes Global/Taste of Malaysia) secara terus di pasaran antarabangsa yang berpotensi seperti di Jepun, Dubai serta China.
- 4. Melaksanakan program kempen dan promosi KBBM yang agresif serta komprehensif**
  - Kerajaan akan melaksanakan promosi dan kempen berterusan yang inklusif dengan media cetak, elektronik dan media sosial.
  - KPDNKK berharap semua pihak termasuk agensi kerajaan, rakan strategik, industri dan media menyokong kempen KBBM 2019 untuk memperkasakan lagi produk buatan tempatan agar setanding dengan produk luar negara.



Sokongan rakyat Malaysia diperlukan untuk menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia.

KBBM 2019 dilancarkan dengan tujuan meningkatkan semangat cintakan barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia.



**WACANA**  
Sinar

SIRI 137

**Panelis**  
DATUK HASNAH SALAM  
Pengerusi, Persekitaan Smart  
SMART Pengguna

**Moderator**  
DATUK DR ISMAIL  
SULAIMAN  
Pensyarah, Kanan,  
Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media UTM

**Panelis**  
DARSHAN SINGH  
Presidennya Persekitaan  
Pengguna Pengguna  
Malaysia

**Panelis**  
AHMAD YAZID  
OTHMAN  
Ketua Pegawai  
Eksekutif MTEMA

**BARANGAN BUATAN MALAYSIA:  
PERSEPSI & PERANAN  
PENGGUNA MALAYSIA**

**30 OKTOBER 2019  
RABU / 8.30 MALAM  
PLAZA ANGSANA, JOHOR BAHRU**

Saksikan juga secara langsung di  
Sinar Harian Sinar.TV  
Sinar Harian @SinarOnline

Dengan kerjasama  
KIPONHEP

**Sinar**